

Lembaga Disiplin boleh terus bertindak ke atas ahli buat laporan polis

UMNO 1 DEC 2002
KUANTAN 30 Nov. — Lembaga Disiplin UMNO boleh mengambil tindakan terus melalui urus setianya tanpa perlu merujuk kepada Jawatankuasa Pengurusan parti dalam menangani kes-kes ahli yang membuat laporan polis terhadap ahli lain atau pemimpin tertentu.

Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob berkata, tindakan yang diambil itu nanti hanya berupa pemecatan sebagaimana yang diumumkan oleh Presiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur, semalam.

“Biasanya kes melibatkan laporan polis berkaitan UMNO dan perundangan terlebih dulu akan dikaji latar belakangnya dengan teliti oleh Lembaga Disiplin selain akan turut memanggil mereka terbabit,” katanya selepas majlis berbuka puasa di Masjid Kampung Tanjung Api di sini hari ini.

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata, tindakan oleh Lembaga Disiplin ini seterusnya akan dibentangkan untuk pengetahuan Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang akan membuat keputusan mukamad.

“Ahli-ahli terbabit yang tidak berpuas hati dengan tindakan Lembaga Disiplin ini hanya boleh merujuk kepada panel rayuan,” katanya.

Beliau yang merupakan Ahli Parlimen Kuantan bagaimanapun menambah, panel rayuan yang dipengerusikan oleh Datuk Zuki Kamaruddin hanya boleh melihat semula kes itu tetapi MT yang akan membuat keputusannya.